

19 JUN 1999

Umno-bahas (agama)

FADZIL NOR DIBIDAS KERANA DAMPINGI WAN AZIZAH

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Nor dibidas pada Perhimpunan Agung Umno hari ini kerana sanggup berdamping dengan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail ke merata-rata tempat sedangkan mereka bukannya muhrim.

Ketika membahaskan usul agama dan sosial pada hari ketiga perhimpunan itu hari ini, wakil Wanita Umno Hajah Fatimah Ismail berkata Fadzil juga pernah memberi jaminan syurga kepada anggota PAS yang berjaya menarik masuk 10 anggota Umno menyertai parti itu.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sebagai satu penyelewengan ajaran agama, seperti juga dengan penyelewengan PAS mendakwa ianya "Parti Allah".

"Pergerakan Wanita mahu agar semua pihak memerangi perbuatan itu habis-habisan," kata Fatimah.

Mengenai Wan Azizah, beliau hairan bagaimana Fadzil boleh berdamping dengan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu ke merata-rata tempat untuk mengadakan ceramah bersama.

"Soal kasihan tidak timbul kerana Wan Azizah bukannya muhrimnya," kata Fatimah.

Sejak suaminya dipecat dan didakwa di mahkamah, Wan Azizah yang kini Presiden Parti Keadilan, dilaporkan mengadakan ceramah di seluruh negara dengan kerjasama PAS.

Fatimah juga meminta kerajaan menubuhkan Badan Bertindak Syariah Persekutuan bagi menyelaraskan pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam terutama dalam kes perceraian dan nafkah.

Ini kerana banyak kes rumah tangga tertanggung dan ini menyebabkan ramai wanita menghadapi masalah mendapatkan hak mereka.

Wakil Sabah, Rimin Maidin berkata lebih baik PAS menutup semua cawangannya di Sabah kerana parti itu tidak diterima oleh rakyat negeri itu seperti terbukti dalam pilihan raya negeri Mac lepas.

"Yang lebih mengaibkan PAS ialah bukan sahaja kesemua enam calonnya kecundang malah setiap calon hanya memperolehi purata 200 undi," katanya.

Beliau berkata Umno Sabah akan bekerja keras bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang untuk mempertahankan ketuanan bangsa Melayu dan agama Islam.

Katanya sejak Umno bertapak di Sabah pada 1994, parti itu dapat mengembalikan ketuanan Melayu dan Islam, yang merupakan antara sumbangannya kepada orang Islam atau hal-hal berkaitan Islam.

Sumbangan lain, katanya, ialah ramai pegawai kerajaan beragama Islam diletakkan di tempat yang baik berbanding semasa Sabah di bawah Parti Bersatu Sabah," kata Rimin.

Ramai pelajar Islam pula telah diberi peluang melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara berbanding ketika zaman pemerintahan PBS.

Wakil Selangor, Mohd Khailani Mangon berkata ahli Umno tidak boleh memandang remeh perbuatan anggota seumur hidup PAS, Datuk Shahnnon Ahmad memaki hamun dan mencarut Dr Mahathir.

"Menyakiti presiden parti bererti mereka menyakiti kita anggota parti, memaki hamun presiden parti bererti mereka memaki hamun kita semua, dan mencarut presiden parti bererti mereka mencarutkan kita semua," katanya.

Beliau mencadangkan agar tindakan diambil menerusi jawatankuasa khas menangani fitnah terhadap Umno dan pemimpin-pemimpinnya.

"Fitnah adalah dosa besar yang perlu dibanteras kerana jika tidak, lima tahun atau 10 tahun lagi, umat Islam akan mundur dan hancur," kata Mohd

Khailani.

Pemimpin dan semua anggota PAS ibarat "kacang lupakan kulit" berhubung bantuan kemanusiaan RM600 juta yang diberikan oleh Perdana Menteri menerusi Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Kelantan untuk mengatasi masalah air yang berlarutan di negeri itu.

"Jika PAS tidak mahu berterima kasih tak apalah tetapi janganlah mengutuk Dr Mahathir dan menabur fitnah kepada pemimpin-pemimpin Umno," katanya.

Walaupun dimaki hamun, Umno yang mengamalkan konsep bersyukur dan berterima kasih akan bersabar kerana Rasulullah sendiri pernah dimaki hamun dan dicerca, kata Mohd Khailani.

Wakil Perak, Jamal Nasir Rasdi berkata parti pembangkang tidak boleh mempertikaikan keikhlasan dan kesungguhan Umno memperjuangkan Islam kerana ia telah dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan parti itu.

Perlembagaan Umno Fasal 3 menyatakan hasrat parti itu untuk "menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama."

"Parti PAS tidak pernah mengiktiraf sumbangan Umno dalam mewujudkan sekolah-sekolah agama dan membina masjid, walaupun mereka secara terang-terangan telah menggunakan institusi terbabit untuk menyebarkan dakwah mereka," katanya.

Wakil Pahang, Redzwan Harun yang sependapat dengan wakil Perak itu, berkata PAS telah mengamalkan sikap "double standard" kerana hanya menganggap pemimpin mereka sebagai ulama dan enggan mengiktiraf pemimpin-pemimpin Umno yang berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang agama sebagai ulama.

Umno Pahang juga berharap Kementerian Pendidikan yang diterajui orang Umno dapat memperkenalkan satu dasar baru iaitu mensyarakat individu berkelulusan agama sahaja dilantik sebagai pengetua sekolah menengah agama, kerana menurut Redzwan, daripada 70 sekolah menengah agama seluruh negara, hanya empat yang diterajui oleh mereka yang berkelulusan agama.

Abdul Wahab Din, yang mewakili Pergerakan Pemuda, meminta Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian terhadap penerbitan buku-buku dan majalah terutama yang memfitnah Umno.

"Buku-buku dan majalah ini tidak ada kelulusan KDN tetapi dijual secara meluas termasuk di perhimpunan ini," kata beliau.

Antara buku itu ialah sebuah yang menghidupkan semula kisah Memali dan majalah bernama 'Lebamnya Mata Anwar'.

Pemuda Umno meminta Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada sekolah-sekolah agama rakyat kerana ia menjadi markas parti pembangkang.

"Ada anak-anak orang Umno yang masuk belajar di sekolah-sekolah ini ditarbiah untuk membenci para pemimpin Umno," kata Abdul Wahab sambil meminta pihak berkenaan mengambil alih sekolah-sekolah itu, jika perlu.

Wakil Kelantan Md Alwi Che Ahmad pula berkata anggota Umno harus yakin bahawa parti itu lebih baik daripada PAS terutama daripada segi pelaksanaan hukum serta pembangunan Islam.

Katanya perbezaan antara Umno dan PAS seperti "langit dengan bumi" kerana Umno ditubuhkan dengan tekad untuk membela agama, bangsa dan negara manakala PAS ditubuhkan oleh pemimpin yang merajuk dengan Umno.

Keupayaan Umno melaksanakan Islam telah terbukti dengan adanya pelbagai projek seperti perbankan Islam dan Universiti Islam Antarabangsa manakala PAS cuma pandai bercakap tetapi tidak mampu memikul kepimpinan Islam, kata Md Alwi.

"Kegagalan PAS membentuk sebuah model negara Islam yang dapat dicontohi selama 28 tahun memerintah Kelantan membuktikan parti itu cuma pandai bercakap tetapi tiada kepakaran dan kesungguhan untuk membentuk sebuah negara Islam," katanya.

Wakil Kedah Haji Hamlan Din berkata PAS cuba mengelirukan orang ramai dengan menonjolkan kononnya hanya parti itu yang memperjuangkan Islam.

Tetapi hakikatnya banyak tindakan yang dilakukan oleh pemimpin parti itu bertentangan dengan ajaran Islam dan langsung tidak mencerminkan bahawa PAS merupakan sebuah parti Islam, katanya.

Katanya pemimpin PAS menghalalkan perbuatan mencarut dan memaki hamun sesama Islam dan kini bekerjasama pula dengan DAP yang menentang pembentukan sebuah negara Islam.

Hamlan berkata pemimpin Umno boleh membalas perbuatan itu, tetapi sebagai sebuah parti yang patuh dengan ajaran Islam, pemimpin Umno tidak berbuat perkara yang sama.

Perbahasan isu agama dan sosial akan disambung semula pada 8.30 pagi esok dengan tiga lagi pembahas masing-masing mewakili Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan.

-- BERNAMA

AKT MAI